

**KEMISKINAN MULTI DIMENSI:
PENGKATEGORIAN KEMISKINAN
GOLONGAN B40 DI BANDAR BAYAN BARU,
PULAU PINANG**

NURAZYNIE BINTI HERMAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2019

**KEMISKINAN MULTI DIMENSI:
PENGKATEGORIAN KEMISKINAN
GOLONGAN B40 DI BANDAR BAYAN BARU,
PULAU PINANG**

oleh

NURAZYNIE BINTI HERMAN

Tesis yang diserahkan untuk

memenuhi keperluan bagi

Ijazah Sarjana Sastera

Februari 2019

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Syukur Alhamdulillah segala puji kehadiran ilahi kepada Allah S.W.T yang maha pemurah lagi maha penyayang. Dengan berkat keizinan, limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan satu kajian yang mencabar ini dengan jayanya.

Ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Profesor Dr. Narimah Binti Samat kerana telah memberi semangat dan dorongan serta tunjuk ajar kepada saya dalam menjalani kajian ini. Beliau merupakan orang kuat dan tulang belakang untuk saya jadikan sebagai rujukan sekiranya mengalami masalah dalam kajian ini. Terima kasih juga buat rakan seperjuangan saya Masitah Zaini dan Mohd Syafiq Dasuki untuk pertolongan dan sokongan sepanjang saya menjalankan kajian

Ucapan terima kasih saya juga khusus untuk geran 1001/PHumaniti/856002 untuk sumbangan kewangan bagi membantu menjalankan kajian saya.

Akhir sekali buat keluarga tercinta terutama kedua ibu bapa saya Herman Hasan dan Juriah Rasa dan abang saya. Terima Kasih untuk sokongan dan doa yang diberikan. Selain itu, terima kasih buat sahabat baik saya Khairul Hafizuddin Abdul Rahman banyak memberi tunjuk ajar sepanjang perjalanan pembelajaran saya

Sekian, Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv
BAB 1 - PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyata Masalah	6
1.3 Kerangka Konseptual	7
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Andaian Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Organisasi Kajian	10
BAB 2 - SOROTAN KAJIAN	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Konsep dan Takrifan Kemiskinan	11

2.3	Definisi Bandar	18
2.4	Definisi Perbandaran	21
2.5	Kemiskinan Bandar	23
2.6	Pengukuran Kemiskinan	28
2.6.1	Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	28
2.6.2	Pengukuran Undimensi	30
2.6.3	Pengukuran Multi Dimensi	34
2.7	Isi Rumah B40	37
2.8	Strategi Pembasmian Kemiskinan	40
2.8.1	Matlamat MDG dan SDG	41
2.8.2	Model Ekonomi Baru	46
2.8.3	Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015)	48
2.8.4	Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020)	51
2.9	Rumusan	56
BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN		57
3.1	Pengenalan	57
3.2	Metodologi Kajian	57
3.3	Kawasan Kajian	61
3.4	Kaji Selidik dan Proses Analisis	65

3.4.1	Persampelan Kajian	65
3.4.2	Soal Selidik	65
3.4.3	Temu Bual	67
3.4.4	Pemerhatian	68
3.4.5	Analisis Faktor	68
3.4.6	Kaedah AF	69
3.4.7	Analisis Kebolehpercayaan (<i>Reliability Test</i>)	71
3.5	Rumusan	73
BAB 4 - DAPATAN KAJIAN		74
4.1	Pengenalan	74
4.2	Profil Demografi Responden	74
4.3	Profil Ekonomi Responden	78
4.4	Profil Sosial Responden	87
4.5	Profil Ruang Geografi	95
4.6	Rumusan	99
BAB 5 - PERBINCANGAN		100
5.1	Pengenalan	100
5.2	Analisis Faktor Dimensi Kemiskinan	100
5.3	Kemiskinan Multi Dimensi dan Pengkategorian Kemiskinan	108

5.4	Cadangan Strategi Penambahbaikan Pelaksanaan Bagi Membantu Isi Rumah B40	115
5.5	Rumusan	128
BAB 6 - PENUTUP		129
6.1	Pengenalan	129
6.2	Kekuatan Kajian	129
6.3	Limitasi Kajian	132
6.4	Cadangan Penambahbaikan Kajian	132
6.5	Rumusan	133
BIBLIOGRAFI		134
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) di Malaysia	3
Jadual 2.1	Perbezaan Definisi Kemiskinan	17
Jadual 2.2	Dimensi, Indikator, Batas Ketersisihan dan Wajaran MPI	53
Jadual 3.1	Ringkasan Ujian Kebolehpercayaan Terhadap Kajian Rintis	72
Jadual 4.1	Profil Demografi Responden	77
Jadual 4.2	Jadual Silang Tahap Pendidikan dan Kategori Pekerjaan	81
Jadual 4.3	Jadual Silang Jantina dan Kategori Pekerjaan	82
Jadual 4.4	Pekerjaan Sampingan Responden	84
Jadual 4.5	Pendapatan Daripada Pekerjaan Utama Responden	85
Jadual 4.6	Tahap Ekonomi Responden	87
Jadual 4.7	Responden yang Memerlukan Rawatan Berkala	88
Jadual 4.8	Jadual Silang Jenis Penyakit dan Umur Responden	89
Jadual 4.9	Kekerapan Pengambilan Makanan Dalam Sehari	92
Jadual 4.10	Tahap Persetujuan Kes Jenayah di Kawasan Kajian	93
Jadual 4.11	Peningkatan Bencana Alam	96
Jadual 4.12	Jenis Bencana Alam	96
Jadual 5.1	Dimensi dan Faktor Penyebab Kemiskinan Multi Dimensi	101

Jadual 5.2	Jumlah Varians Demografi (<i>Total Variance Explained</i>)	103
Jadual 5.3	Jumlah Varians Ekonomi (<i>Total Variance Explained</i>)	104
Jadual 5.4	Jumlah Varians Sosial (<i>Total Variance Explained</i>)	106
Jadual 5.5	Jumlah Varians Ruang (<i>Total Varianc Explained</i>)	107
Jadual 5.6	Faktor Utama Penyebab Kemiskinan Multi Dimensi Golongan B40	108
Jadual 5.7	Bilangan dan Peratusan Responden yang Mengalami Kekurangan dalam Dimensi Kemiskinan	110
Jadual 5.8	Anggaran Kemiskinan Pelbagai Pada Tahap Agregat Bagi Isi Rumah Miskin B40	112
Jadual 5.9	Pengkategorian Kemiskinan Golongan B40 di Bayan Baru, Pulau Pinang	114
Jadual 5.10	Pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh	117
Jadual 5.11	Pandangan Tentang Kemudahan untuk Memperolehi Bantuan Keusahawanan	118
Jadual 5.12	Tahap persetujuan Kepekaan Program eRezeki	119
Jadual 5.13	Tahap Persetujuan terdapat Kawasan lapang di Kawasan Kajian	121
Jadual 5.14	Responden yang Membuat Pelaburan	122
Jadual 5.15	Masa Menunggu yang Panjang di Hospital Kerajaan	123
Jadual 5.16	Terdapat Pemasangan CCTV di Kawasan Kajian	125
Jadual 5.17	Terdapat Aktiviti Pencegahan Bencana Alam	126

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 Kerangka Konseptual	8
Rajah 2.1 Bilangan Isi Rumah Berpendapatan 40% (B40) Terendah Mengikut Negeri	38
Rajah 2.2 Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDG)	45
Rajah 2.3 Model Ekonomi Baru	46
Rajah 3.1 Metodologi Kajian	61
Rajah 3.2 Kawasan Kajian	64
Rajah 3.3 Kaedah AF	70
Rajah 4.1 Kategori Pekerjaan Utama Responden	79
Rajah 4.2 Jenis Jenayah yang Berlaku di Kawasan Kajian	94
Rajah 4.3 Bencana Alam Mempengaruhi Ekonomi dan Sumber Pendapatan Responden	98

SENARAI SINGKATAN

AF	Alkire and Foster
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
AS1M	Amanah Saham 1 Malaysia
ASW	Amanah Saham Wawasan
BPL	Below Poverty Line
BR1M	Bantuan Rakyat 1 Malaysia
CPI	Consumer Price Index
CPTED	Crime Prevention Through Enviromental Design
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
DRM	Digital Right Management
DTN	Dasar Transformasi Negara
DWN	Dasar Wawasan Negara
EPU	Economic Planning Unit
FGT	Foster, Greer, Thorbecke
GTP	Government Transformation Programme
JPJKK	Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti
KKLW	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

KSAS	Kawasan Sensitif Alam Sekitar
KWAPM	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
MCA	Mutiple Correspondence Analysis
MDGs	Millenium Development Goals
MPI	Multidimensional Poverty Index
MyNDS	Malaysian National Development Strategy
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MNC	Multinasional Corporation
MEB	Model Ekonomi Baru
NKRA	National Key Result Areas
NRE	Nature Resource and Enviroment
OKU	Orang Kurang Upaya
PLI	Poverty Line Income
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
PGI	Poverty Gap Index
PPKB	Program Pembasmian Kemiskinan Bandar
PTK	Program Transformasi Kerajaan
PTE	Program Transformasi Ekonomi
PTPK	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
RMK	Rancangan Malaysia Ke-
REIT	Real Estate Investment Trust

SDGs	Sustainable Development Goals
SPSS	Statistical Package for Social Science
SPRM	Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia
SRS	Simple Random Sample
SSP	Sijil Simpanan Premium
UNDP	United Nations Development Programme
UNESCAP	United Nations Economic and Social Commission for Asia and Pacific

**KEMISKINAN MULTI DIMENSI:
PENGKATEGORIAN KEMISKINAN GOLONGAN B40 DI BANDAR
BAYAN BARU, PULAU PINANG**

ABSTRAK

Pada masa ini, kemiskinan bandar sering dialami oleh isi rumah B40. Isi rumah B40 merupakan golongan berpendapatan rendah dan seramai 2.7 juta isi rumah B40 masih tergolong dalam golongan B40. Oleh itu, dalam keadaan Malaysia yang semakin membangun seiring negara-negara lain isi rumah B40 tidak wajar dipinggirkan untuk turut sama menikmati peluang yang terhasil daripada kemakmuran negara. Dalam usaha membasmi kemiskinan, semua pihak perlu melihat kemiskinan dari segi multi dimensi yang mana pengukuran Alkire dan Foster (2011) diguna untuk mengenal pasti isi rumah B40 yang miskin. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti empat dimensi untuk melihat kemiskinan yang dialami oleh isi rumah B40 iaitu demografi, ruang, ekonomi dan sosial yang merangkumi 10 indikator. Kajian ini dijalankan ke atas 268 isi rumah di bandar Bayan Baru, Pulau Pinang dengan menggunakan kaedah soal selidik, temu bual secara spontan dan pemerhatian. Kaedah kuantitatif seperti analisis faktor, kaedah silang (*crosstab*), frekuensi dan kaedah Alkire dan Foster (Kaedah AF) juga digunakan untuk proses menganalisis. Keputusan kajian mendapati selain faktor ekonomi, faktor sosial dan ruang juga menjadi punca kemiskinan B40. Oleh itu, untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan. Pendekatan yang lebih tepat perlu dilaksanakan agar masalah ini dapat diselesaikan mengikut keperluan dengan cara menambahbaik kaedah pelaksanaan strategi yang sedia ada. Maka, kajian ini dapat membantu pihak berwajib menambahbaik kaedah pelaksanaan yang sedia ada agar dapat mencapai hasrat kerjaan dan SDG untuk mencapai sifar miskin.

**MULTI DIMENSIONS POVERTY:
B40 GROWING POVERTY DISSEMINATION IN TOWN BAYAN BARU,
PENANG**

ABSTRACT

At present, urban poverty is often experienced by B40 households. The B40 household is a low-income group and a total of 2.7 million B40 households are still in the B40 class. Therefore, in the wake of Malaysia's growing development as other B40 household countries should not be marginalized to equally enjoy the opportunities resulting from the country's prosperity. In an effort to eradicate poverty, all parties need to see poverty in terms of multi-dimension where Alkire and Foster (2011) measurements are used to identify poor B40 households. Therefore, this study will identify four dimensions to see the poverty experienced by households B40 namely demography, space, economy and social which includes 10 indicators. This study was conducted on 268 households in Bayan Baru town in Penang using questionnaires, spontaneous interviews and observations. Quantitative methods such as factor analysis, cross method (crosstab), frequency and method of Alkire and Foster (AF Method) are also used for analyzing processes. The findings find that besides economic factors, social and space factors are also the cause of poverty of B40. Therefore, to achieve the goal of eradicating poverty. A more precise approach should be taken so that the problem can be solved according to the need by improving the existing strategy implementation method. Thus, this study can help the authorities improve the existing method of execution in order to achieve the goal of SDG to achieve zero..

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penduduk dan kemiskinan merupakan satu cabaran besar yang dialami oleh masyarakat global khususnya di Benua Asia dan Pasifik (Obaid, 2002). Masalah kemiskinan perlu diatasi bagi memastikan setiap rakyat dapat menikmati hasil kekayaan negara sama ada di bandar atau luar bandar. Kemiskinan merupakan keadaan serba kekurangan yang dialami oleh setiap isi rumah miskin (Norzita dan Siti Hadijah, 2014). Menurut, Norzita dan Siti Hadijah (2014) kemiskinan dapat dikenal pasti berdasarkan kekurangan sumber pendapatan untuk memperoleh keperluan asas, tingkat pendidikan yang rendah, tidak memiliki harta benda, tidak sihat tubuh badan, kekurangan makanan dan pakaian, tiada tempat tinggal yang selesa dan tiada pekerjaan yang dapat menjamin kelangsungan hidup. Keadaan ini menyebabkan isi rumah miskin tidak mampu untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan sekiranya tiada bantuan dan sokongan daripada pihak berkuasa.

Kemiskinan juga didefinisikan berdasarkan Pendapatan Garis kemiskinan (PGK) antarabangsa iaitu sebanyak US \$1.25 ditentukan berdasarkan 15 negara termiskin di dunia dan PGK US \$2.00 sehari pula dianggap sebagai kemiskinan sederhana dan mewakili garis kemiskinan bagi negara membangun (Chen dan Ravallion, 2008). Perkara ini merupakan isu utama dunia kerana rata-rata negara di dunia mengalami kemiskinan sama ada di negara maju mahupun negara membangun. Memandangkan isu tersebut menjadi isu utama dunia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mewujudkan strategi untuk membasmi kemiskinan dengan

menggubal Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) pada tahun 2000 dan diikuti dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) pada tahun 2016.

MDG telah digubal oleh PBB dengan agenda utamanya untuk membasmi kemiskinan. Dasar ini diterima oleh pemimpin daripada 189 negara termasuk 147 Ketua kerajaan pada September 2000. Agenda utama dalam MDG ialah tentang kemiskinan dan bermatlamat untuk menghapuskan kemiskinan dan kelaparan dalam jangka masa 15 tahun. Namun, hasil daripada agenda yang dijalankan, MDG masih tidak dapat membasmi kemiskinan sepenuhnya tetapi dapat mengurangkan kemiskinan melampau di seluruh dunia (United Nation, 2015). Agenda MDG berakhir pada tahun 2015 dan diteruskan dengan agenda SDG yang meletakkan sasaran kemiskinan dan kebuluran dihapuskan pada tahun 2030 sebagai agenda utama (United Nations, 2016). MDG dan SDG meletakkan menghapuskan kemiskinan dunia sebagai salah satu agenda utama. Usaha di peringkat global ini diambil dan diimplementasikan oleh seluruh negara dunia termasuk Malaysia.

Seperti yang berlaku di negara lain Malaysia juga turut mengalami masalah kemiskinan sama ada di kawasan bandar atau luar bandar. Penentuan terhadap kelompok miskin di Malaysia ditentukan oleh PGK iaitu berdasarkan pendapatan bulanan minimum isi rumah. Menurut, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), (2015) isi rumah miskin di Semenanjung Malaysia sebanyak RM940 ke bawah bagi kawasan bandar dan RM870 di kawasan luar bandar (Rujuk Jadual 1.1). Isi rumah miskin di Sabah pula, pendapatan sebanyak RM1,160 ke bawah di kawasan bandar dan RM1180 di kawasan luar bandar. Bagi negeri Sarawak, pendapatan sebanyak RM1040 ke bawah di kawasan bandar dan RM920 di luar bandar. PGK bagi isi rumah miskin tegar pula, di Semenanjung Malaysia masing-masing sebanyak RM580 bagi kawasan bandar dan luar bandar. Di Sabah

sebanyak RM690 bagi miskin tegar di kawasan bandar dan sebanyak RM760 di kawasan luar bandar. Miskin tegar di Sarawak pula sebanyak RM700 di kawasan bandar dan RM610 di kawasan luar bandar.

Jadual 1.1: Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) di Malaysia

Kawasan		Tahun 2014	
Semenanjung Malaysia		Miskin	Miskin Tegar
Bandar		RM940	RM580
Luar Bandar		RM870	RM580
Sabah		Miskin	Miskin Tegar
Bandar		RM1160	RM690
Luar Bandar		RM1180	RM760
Sarawak		Miskin	Miskin Tegar
Bandar		RM1040	RM700
Luar Bandar		RM920	RM610

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi (2014)

Walaupun kemiskinan berlaku di bandar dan di luar bandar, kemiskinan bandar dianggap serius. Hal ini kerana, krisis yang berlaku di kawasan bandar melibatkan peningkatan pemberhentian kerja dan pengangguran menyebabkan berlaku inflasi besar (Saiful Anwar Md Ali, 2012). Selain itu, Saiful Anwar Md Ali (2012) juga menyatakan bahawa faktor lain yang menyebabkan kemiskinan bandar berpunca

daripada kos sara hidup tinggi, kekurangan peluang pekerjaan dan kekurangan akses kepada kemudahan asas.

Kos sara hidup yang tinggi memerlukan jumlah pendapatan yang tinggi untuk menampung kehidupan harian di bandar (Wan Nor Azriyati et. al, 2011). Oleh yang demikian, UNCHS (2003) menyatakan cabaran utama adalah bagaimana cara hendak meningkatkan taraf kehidupan penduduk miskin di kawasan bandar. Senario kemiskinan bandar dilihat apabila seramai 2.8 bilion orang atau hampir separuh daripada jumlah 6.2 bilion populasi dunia berebut untuk memperoleh wang yang menyamai harga secawan teh di negara maju (Henninger dan Snell, 2002).

Masalah kemiskinan bandar juga dialami oleh golongan B40 yang mana golongan ini memiliki gaji 40% terendah daripada taburan pendapatan dan golongan B40 ini hanya ada di Malaysia. Oleh hal yang demikian, kerajaan telah mengkategorikan penduduk berdasarkan pendapatan yang diperolehi iaitu B40, M40 dan T20 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017).

Pada tahun 2014 terdapat seramai 2.7 juta isi rumah masih tergolong dalam golongan B40 atau berpendapatan rendah. Purata pendapatan isi rumah B40 antara RM2537 sehingga RM3860 (Unit Perancangan Ekonomi, 2015). Memandangkan jumlah golongan B40 agak besar, pelbagai usaha seperti kempen, dasar dan strategi telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak bagi memastikan golongan ini tidak jatuh miskin. Hal ini cuba diselaraskan dengan usaha mencapai agenda SDG yang mensasarkan kemiskinan dihapuskan. Antara kempen, dasar dan strategi yang dilaksanakan adalah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang bertujuan untuk memberi bantuan baik pulih rumah daif di bandar dan program penjaja bandar. Kemudian, Program Bidang Kebersihan Utama Negara (NKRA) dan

Program Transformasi Kerajaan (GTP) dijalankan yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah. Selain itu, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang telah beroperasi sejak 17 September 1987 bertujuan untuk menyediakan kemudahan pembiayaan mikro. Seterusnya, membentuk Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya dan Program Peningkatan Pendapatan di bawah KKLW. Pihak kerajaan kemudiannya memperluas Program eRezeki dan eUsahawan yang dibiaya oleh KKMM dan menyediakan rumah mampu milik kepada isi rumah B40.

Walaupun terdapat pelbagai usaha membasmi kemiskinan, masalah kemiskinan masih tidak dapat dihapuskan sepenuhnya. Oleh itu, bagi merealisasikan agenda utama SDG iaitu membasmi kemiskinan, usaha menghapuskan kemiskinan tidak hanya melihat kepada satu indikator atau kemiskinan undimensi sahaja iaitu melihat pendapatan atau perbelanjaan isi rumah. Namun, usaha membasmi kemiskinan perlu melihat kemiskinan daripada segi pelbagai dimensi atau multi dimensi yang merangkumi pendapatan, pendidikan, kesihatan, keselamatan tempat tinggal, keselamatan kewangan, keselamatan peribadi, sosial dan politik (Bank Dunia, 2016). Menurut, Siti Hadijah et. al, (2012) kemiskinan secara multi dimensi dapat mengetahui dimensi yang menjadi penyumbang utama kepada kemiskinan yang dihadapi. Oleh itu, apabila dimensi yang menjadi penyumbang utama kepada kemiskinan diketahui maka sesuatu program atau pemberian insentif dapat disalurkan dengan tepat.

Selain itu, sasaran untuk membasmi kemiskinan mengikut keperluan kumpulan tertentu lebih berkesan. Pengenalpastian kemiskinan menggunakan kaedah multi dimensi dapat melengkapkan pengenalpastian kemiskinan menggunakan kaedah

PGK. Oleh itu, program pembasmian kemiskinan dapat dijalankan dengan berkesan dan pengurangan kemiskinan dapat direalisasikan.

Kemiskinan multi dimensi bertujuan untuk merealisasikan agenda SDG iaitu membasmi kemiskinan dalam semua aspek (Unit Perancang Ekonomi, 2015). Oleh itu, kajian ini ingin mengenal pasti faktor-faktor yang mendefinisikan kemiskinan multi dimensi, membentuk kategori kemiskinan dan memberi cadangan penambahbaikan bantuan yang sedia ada atau mencadangkan langkah yang terbaik untuk membantu isi rumah B40 terutamanya di kawasan bandar.

Hal ini kerana, pada masa kini usaha membasmi kemiskinan lebih memfokuskan kepada kemiskinan unidimensi iaitu kemiskinan yang hanya melihat pada hasil pendapatan sahaja dalam menentukan garis kemiskinan (PGK) (Unit Perancang Ekonomi, 2015). Hal ini bercanggah dengan matlamat SDG yang ingin menghapuskan kemiskinan secara menyeluruh yang meliputi pelbagai aspek tidak hanya pada pendapatan. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan menumpukan kepada kemiskinan multi dimensi bertujuan mencari strategi menghapuskan kemiskinan secara menyeluruh dan memfokuskan kepada isi rumah B40.

1.2 Penyataan Masalah

Pada peringkat dunia, negara-negara seperti di benua Asia dan Pasifik masalah kemiskinan yang berlaku merupakan masalah besar dan perlu di atasi (Obaid, 2002). Insiden kemiskinan menjadi isu utama di negara maju dan negara membangun. Kemiskinan bagi negara barat melibatkan ketidakseimbangan pendapatan keluarga untuk memenuhi keperluan asas (Rowntree, 1901). Senario masalah kemiskinan ini telah lama berlaku di Malaysia yang mana berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2014) pada tahun 1970 kadar kemiskinan bandar sebanyak 24.6% dan

menunjukkan penurunan kepada 0.3% pada tahun 2014. Begitu juga kadar kemiskinan di luar bandar menunjukkan pada tahun 1970 sebanyak 58.6% turun kepada 1.6% pada tahun 2014.


Namun, pada masa kini masalah kemiskinan bandar sering dialami oleh golongan B40 yang memiliki pendapatan di antara RM2537 sehingga RM3860. Masalah tersebut berlaku disebabkan kos sara hidup yang tinggi di kawasan bandar menyebabkan golongan B40 boleh menjadi golongan miskin sekiranya tidak diatasi dengan baik. Oleh itu, pelbagai cara dilaksanakan untuk memastikan golongan B40 tidak jatuh miskin selaras dengan agenda SDG yang ingin menghapuskan kemiskinan.

Tambahan lagi, usaha membasmi kemiskinan lebih memfokuskan kepada kemiskinan unidimensi iaitu melihat hasil pendapatan sahaja untuk menentukan PGK dan hal ini juga tidak selari dengan agenda SDG untuk menghapuskan kemiskinan secara multi dimensi. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti faktor-faktor yang mendefinisikan kemiskinan multi dimensi kemudian membentuk kategori kemiskinan yang bertujuan untuk memperoleh strategi menghapuskan kemiskinan secara menyeluruh dan memfokuskan kepada isi rumah B40 di kawasan bandar.

1.3 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengkategorian kemiskinan multi dimensi golongan B40 di Bayan Baru, Pulau Pinang. Dalam mencapai matlamat tersebut peringkat awal dimensi kemiskinan akan ditentukan. Ini dilaksanakan dengan menganalisis menggunakan analisis diskriptif dan analisis faktor yang menggabungkan dimensi kemiskinan iaitu demografi, ekonomi, sosial dan ruang seperti yang terdapat dalam *Multidimensional Poverty Index* (MPI).

Hasil analisis diskriptif dan analisis faktor kajian ini dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mendefinisikan kemiskinan multi dimensi. Analisis menggunakan kaedah AF juga dijalankan bagi menganalisis kemiskinan multi dimensi dan mengkategorikan kemiskinan bagi golongan B40 yang terbahagi kepada miskin, mudah miskin dan tidak miskin. Langkah seterusnya, hasil pengkategorian memudahkan usaha membentuk atau mencadangkan intervensi bagi membantu golongan B40. Keseluruhannya, kerangka konseptual ini ditunjukkan pada Rajah 1.1



Sumber: Diubah suai dari Unit Perancang Ekonomi (2015)

Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti faktor-faktor yang mendefinisikan kemiskinan multi dimensi dalam kelompok isi rumah B40 di bandar.
2. Membentuk kategori kemiskinan dalam kelompok isi rumah B40 di bandar.
3. Menambahbaik kaedah pelaksanaan strategi untuk membantu isi rumah B40 di bandar

1.5 Andaian Kajian

1. Terdapat faktor-faktor yang boleh mendefinisikan kemiskinan multi dimensi dalam kelompok isi rumah B40.
2. Terdapat kategori yang akan membentuk kemiskinan dalam kelompok isi rumah B40 di bandar.
3. Terdapat kaedah pelaksanaan strategi yang lebih baik untuk membantu isi rumah B40 di bandar.

1.6 Kepentingan Kajian

Kadar kemiskinan telah berkurang daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 0.4% pada tahun 2016 (Unit Perancang Ekonomi, 2018). Namun, golongan atau isi rumah B40 tidak berada dalam keadaan yang selesa terutama di kawasan bandar dan keadaan ekonomi boleh menyebabkan mereka jatuh miskin sekiranya berlaku perubahan ekonomi atau sosial. Oleh itu, kajian ini mengkategorikan golongan B40 kepada kemiskinan multi dimensi. Ini bertujuan memudahkan untuk intervensi bagi membantu golongan B40 dan kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

Kajian ini juga membentuk kategori kemiskinan dalam kelompok isi rumah B40 di bandar. Ianya bertujuan untuk melihat majoriti isi rumah B40 berada dalam kategori miskin, mudah miskin atau tidak miskin. Kaedah Alkire dan Foster (2011) yang digunakan dapat membantu usaha membasmi kemiskinan sepenuhnya. Ini kerana, berdasarkan pengkategorian kemiskinan startegi boleh dibentuk bersesuaian dengan keperluan golongan tertentu. Hasil daripada kaedah AF juga dapat membantu pihak bertanggungjawab memberikan bantuan dan melaksanakan startegi bagi membantu mereka yang benar-benar memerlukan bantuan untuk keluar daripada kemiskinan. Kaedah ini sesuai digunakan di Malaysia untuk melihat kemiskinan multi dimensi selaras dengan RMK-11 yang membangunkan Indeks Kemiskinan Pelbagai (MPI) untuk kesejahteraan sosioekonomi dan rangka kerja pembangunan negara (EPU, 2014).

1.7 Organisasi Kajian

Kajian ini di bahagikan kepada 6 bab. Dimulai daripada bab 1 iaitu bab pengenalan yang merangkumi pernyataan masalah, kerangka konseptual, objektif kajian, andaian kajian dan kepentingan kajian. Dalam bab 2 pula menyentuh tentang sorotan kajian lalu oleh penulis antarabangsa dan tempatan. Semua kajian yang berkaitan dengan kajian ini dijadikan bahan sebagai rujukan dalam penulisan ini. Dalam bab 3 pula merupakan metodologi kajian yang mana penulis akan menghuraikan kaedah kajian yang dilaksanakan, kawasan kajian, kaedah pengumpulan data dan cara penganalisan yang dilakukan. Bab 4 akan membincangkan profil responden yang merangkumi profil demografi responden, ekonomi responden, sosial responden dan ruang di kawasan kajian. Seterusnya, dalam bab 5 akan membincangkan mengenai hasil dapatan kajian berdasarkan tiga objektif kajian. Kemudian dalam bab 6 akan merumuskan dapatan kajian.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN :

KEMISKINAN BANDAR DAN ISI RUMAH B40

2.1 Pengenalan

Setelah membincangkan isu dan objektif kajian di dalam Bab 1, bab ini akan membincangkan sorotan karya berdasarkan kajian penyelidik terdahulu berkenaan dengan kemiskinan di kawasan bandar, isi rumah B40 dan pengukuran kemiskinan serta strategi-strategi yang dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini. Perbincangan Bab 2 bertujuan memperkukuhkan hujah-hujah yang terdapat di dalam kajian berkenaan dengan isu yang dikaji dan mencari lompang kajian untuk diselidiki.

2.2 Konsep dan Takrifan Kemiskinan

Kemiskinan merupakan satu perkara yang subjektif. Menurut, Abu Sufian (1998) tidak ada satu pun definisi kemiskinan yang boleh dikatakan asli atau boleh diterima pakai dalam semua bidang. Menurut Mohamed Zaini (2010) pula terdapat pelbagai definisi kemiskinan sehingga menimbulkan masalah tentang definisi yang dapat diterima umum. Kemiskinan mempunyai maksud yang berbeza-beza bergantung kepada konteks dan tujuan penggunaan serta kajian yang dijalankan oleh para sarjana (Elhadary dan Samat, 2012).

Kebanyakan pengkaji mengaitkan kemiskinan dengan kekurangan pendapatan dan ketidakmampuan individu dan isi rumah untuk memperoleh keperluan harian mereka (Mohd Ayop, 2013). Menurut, Abd Ayop (2013) setiap ahli atau pakar yang merangkumi ahli ekonomi dan sosiologi memberikan konsep kemiskinan yang berbeza-beza. Bagi ahli ekonomi, kemiskinan merujuk kepada garis pendapatan

minimum yang diperlukan oleh isi rumah untuk keperluan makanan dan juga keperluan asas. Ahli sosiologi pula menyatakan kemiskinan berdasarkan kepada kedudukan individu dalam masyarakat yang mana ia berkaitan dengan struktur stratifikasi paling bawah. Golongan miskin tersebut memiliki pendapatan yang tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas dan kemudahan sosial sekurang-kurangnya pada kadar yang paling minimum. Konsep kemiskinan bersifat normatif yang menjadikannya amat bergantung kepada sistem nilai dan tujuan politik yang digunakan ketika meneliti masalah kemiskinan (Altimir, 1982).

Di Barat kajian berkaitan kemiskinan telah dibuat sejak 1800-an lagi. Antara yang terawal dan penting ialah kajian yang dibuat oleh Rowntree (1901) yang mendefinisikan kemiskinan sebagai keadaan ketidakseimbangan pendapatan keluarga bagi memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian bagi membolehkan mereka hidup sekadar untuk mencukupi keperluan asas. Definisi tersebut berdasarkan kajian beliau di York, England pada tahun 1899. Menurut Townsend (1979) kemiskinan juga dirujuk sebagai kekurangan sumber yang diperlukan untuk membolehkan sebarang penglibatan di dalam aktiviti, adat dan pemakanan yang pada kebiasaannya diterima masyarakat. Definisi tersebut berdasarkan kajian ke atas sumber isi rumah dan taraf hidup di United Kingdom, beliau tidak bersetuju dengan definisi yang dinyatakan oleh Rowntree (1901).

Bank Dunia (2010) dan UNDP (2004) mempunyai dua perkara yang hampir sama mengenai kemiskinan, dua perkara tersebut ialah kepenggunaan dan pendapatan yang mana definisi tersebut diukur dari sudut kualitatif. Konsep kemiskinan daripada sudut kepenggunaan merujuk kepada keperluan hak asasi manusia untuk hidup misalnya, ketiadaan pakaian serta tempat tinggal yang baik,

buta huruf, kekurangan makanan, kesukaran memperoleh barangan atau perkhidmatan, infrastruktur yang tidak memuaskan, ketiadaan air bersih, kekurangan pendidikan dan komunikasi. Menurut Dara Aisyah Mohd Ali Puteh dan Ibrahim Mamat (2015) kemiskinan merujuk kepada ketidaksejahteraan dan kemunduran sesuatu masyarakat serta komponen ekonomi menjadi ukuran penting untuk melihat tahap kemiskinan.

Kajian kemiskinan di Malaysia pula telah wujud sejak zaman Za'ba lagi iaitu sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. Konsep kemiskinan di Malaysia sangat berkait dengan masyarakat Melayu sejak sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan Zainal Abidin bin Mohamed atau Za'ba merupakan pelapor yang berani membangkitkan isu kemiskinan di Malaysia sewaktu zaman penjajah dahulu. Menurut Aziz (1975) isu kemiskinan dibangkitkan melalui penulisan beliau dalam surat khabar Malay Mail pada tahun 1923. Dalam penulisan Za'ba, beliau berpendapat bahawa orang Melayu miskin di tanah sendiri di bawah pemerintahan penjajah British. Orang Melayu miskin daripada segi kebendaan dan kerohanian disebabkan oleh kekurangan peluang pekerjaan, pelajaran sehingga penduduk Melayu terabai di bawah penjajah sehingga menyebabkan kemiskinan.

Semasa Za'ba membicarakan tentang kemiskinan orang Melayu rata-rata pada waktu itu masyarakat Melayu menetap di luar bandar atau dikenali sebagai masyarakat luar bandar kecuali segelintir golongan elit dan peniaga Melayu yang menetap di bandar. Penempatan penduduk masih terletak di sepanjang sungai yang memberi kemudahan domestik, pertanian dan pengangkutan (Zaharah, 2004). Penulisan Za'ba pada waktu itu lebih merujuk kepada kemiskinan orang Melayu di luar bandar.

Menurut ahli sains sosial seperti Mohd Taib (2000), kemiskinan bukan hanya berdasarkan pendapatan yang diterima oleh seseorang tetapi juga mendefinisikan stratifikasi sosial. Faktor-faktor lain seperti pengagihan pendapatan, peluang sosial dan ekonomi juga perlu dipertimbangkan dalam menghuraikan kemiskinan. Menurut, Syed Husin dan Ishak (1991) kemiskinan terbahagi kepada tiga iaitu keadaan kekurangan keperluan asas seperti makanan, rumah, pakaian dan kemudahan asas. Ketiadaan atau kurang mampu disebabkan tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan rendah dan kedudukan iaitu golongan bawah dalam sistem susun lapis masyarakat. Oleh itu, sangat jelas kemiskinan merupakan suatu fenomena sosioekonomi yang kompleks. Fenomena ini juga menggambarkan keadaan kekurangan peluang untuk memperoleh sumber dan kemudahan asas dan perkhidmatan akibat taraf pendidikan, kesihatan dan kualiti hidup yang rendah.

Kemiskinan juga boleh dilihat daripada sudut biologi iaitu keperluan asas yang mencukupi untuk meneruskan hidup dan diukur melalui pendapatan seseorang. Menurut Ungku Aziz, (1964) kemiskinan dari sudut biologi dilihat berdasarkan individu yang tidak mempunyai pendapatan untuk memenuhi keperluan asas utama, tidak mendapat makanan yang mempunyai zat yang diperlukan untuk kesihatan badan dan tidak dapat mengekalkan kecekapan fizikal maka dianggap sebagai miskin. Menurut Ishak Shaari (1964) mendefinisikan kemiskinan sebagai:

“satu keadaan apabila sesebuah isi rumah tidak memperolehi pendapatan yang mencukupi bagi menampung sejumlah perbelanjaan untuk keperluan asas yang minimum seperti pakaian, makanan, tempatn tinggal dan keperluan asas bukan makanan...”

Konsep kemiskinan daripada sudut pendapatan pula ialah pendapatan yang diperoleh dalam sehari oleh individu. Bank Dunia (2010) telah menetapkan bahawa garis kemiskinan berlaku apabila seseorang itu hidup di bawah \$1.25 bagi negara miskin atau \$2 sehari bagi negara membangun. Secara keseluruhannya, kemiskinan daripada perspektif konvensional melihat fenomena kemiskinan yang berlaku daripada sudut keperluan fizikal manusia. Oleh itu, pelaksanaannya juga lebih tertumpu kepada bentuk fizikal seperti menyediakan tempat tinggal, pekerjaan, kesihatan dan lain-lain.

Kajian yang dijalankan di Malaysia oleh Norzita Jamil dan Siti Hadijah (2014) menyatakan terdapat teori yang menjelaskan tentang kemiskinan iaitu kitaran kemiskinan atau kitaran ganas kemiskinan. Kitaran ini berlaku apabila terdapat jurang perbezaan kemiskinan yang wujud disebabkan kemajuan ekonomi dan menyebabkan satu golongan bertambah kaya dan satu lagi golongan ketinggalan. Kitaran ganas kemiskinan merujuk kepada keadaan kemiskinan atau perangkap kemiskinan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya. Keadaan ini menyebabkan kemiskinan berterusan dalam kalangan masyarakat berkenaan tanpa harapan untuk keluar daripada kemiskinan.

Secara umumnya, definisi kemiskinan boleh dibahagikan kepada dua iaitu kemiskinan mutlak dan relatif. Menurut Seragledin (1989), kemiskinan mutlak ialah ketidakbolehan untuk mendapatkan keperluan asas secara minimum untuk kehidupan seorang individu mengikut satu piawaian. Kemiskinan mutlak di Malaysia diukur dengan menggunakan perbandingan antara pendapatan kumpulan isi rumah dengan satu tahap yang dipanggil Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Bermula daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB), pengukuran kemiskinan di Malaysia berasaskan konsep

kemiskinan mutlak. Pengukuran ini merupakan satu peringkat perbelanjaan minimum yang dikenali sebagai PGK.

Kemiskinan relatif pula boleh dikaitkan dengan agihan pendapatan. Ia menunjukkan tingkat kebajikan seseorang individu dengan membuat perbandingan tahap kebajikan individu tersebut dengan tahap kebajikan individu lain. Kemiskinan relatif wujud selagi berlaku ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan dan semakin tinggi ketidakseimbangan pendapatan semakin besar masalah kemiskinan relatif (Norzita Jamil et.al, 2014). Menurut, Seragledin (1989) pula kemiskinan relatif merupakan satu keadaan yang mana 30 atau 40 peratus pengagihan pendapatan sesebuah negara adalah mereka yang hanya memperoleh keperluan asas minimum. Golongan ini juga mempunyai sumber pendapatan yang sangat terhad menyebabkan penglibatan dalam masyarakat menjadi kurang. Golongan tersebut terpinggir secara efektif daripada arus perdana masyarakat walaupun mereka merupakan golongan majoriti dalam populasi bandar. Perbezaan definisi kemiskinan dapat dilihat dalam Jadual 2.1 di bawah untuk melihat perbezaan definisi kemiskinan dengan lebih jelas.

Jadual 2.1 : Perbezaan Definisi Kemiskinan

Teori/Pandangan Kemiskinan	Definisi
Kitaran Kemiskinan	Bermaksud wujud jurang perbezaan kemiskinan disebabkan kemajuan ekonomi dan menyebabkan satu golongan bertambah kaya dan satu lagi golongan ketinggalan.
Kitaran Ganas Kemiskinan	Bermaksud keadaan kemiskinan atau perangkap kemiskinan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya sehingga menyebabkan kemiskinan berterusan.
Kemiskinan Mutlak	Bermaksud ketidakbolehan untuk mendapatkan keperluan asas secara minimum untuk kehidupan seorang individu mengikut satu piawaian. Contohnya, di Malaysia kemiskinan mutlak diukur dengan menggunakan perbandingan antara pendapatan kumpulan isi rumah dengan satu tahap dipanggil PGK.
Kemiskinan Relatif	Bermaksud agihan pendapatan untuk menunjukkan tingkat kebajikan seseorang dengan membuat perbandingan dengan tahap kebajikan individu lain. Kemiskinan relatif wujud selagi berlaku ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan.
Kemiskinan Ekonomi	Bermaksud kemiskinan merujuk kepada garis pendapatan minimum yang diperlukan oleh isi rumah untuk keperluan makanan dan keperluan asas.

Kemiskinan Sosiologi	Bermaksud kemiskinan berdasarkan kedudukan individu dalam masyarakat yang mana berkaitan dengan struktur stratifikasi paling bawah.
Kemiskinan Biologi	Bermaksud merujuk kepada keperluan asas utama yang mencukupi untuk meneruskan hidup dan diukur melalui pendapatan seseorang. Keperluan asas utama merangkumi makanan yang mempunyai zat yang diperlukan untuk kesihatan badan.

2.3 Definisi Bandar

Menurut, Katiman Rostam (1988) bandar didefinisikan dengan pelbagai bentuk kerana ada pengkaji mentakrifkan bandar berdasarkan aspek fizikal sahaja. Sementara pengkaji lain mentakrifkan bandar berasaskan sifat-sifat manusia. Namun, pada kebiasaannya bandar ditakrif berasaskan kepada saiz penduduk. Terdapat juga definisi bandar menggunakan angka tetapi penggunaan angka untuk mentakrif bandar menimbulkan masalah kerana setiap bandar mempunyai kriteria tersendiri. Contohnya, di Denmark jumlah penduduk lebih 250 orang sudah dianggap bandar manakala di Perancis pula sesuatu kawasan boleh ditakrifkan sebagai bandar apabila penduduknya melebihi 200 orang. Di Malaysia untuk diiktiraf sebagai bandar mestilah 10 000 atau lebih penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Berdasarkan banci yang dijalankan pada tahun 1980 kawasan bandar merujuk kepada sesuatu kawasan yang diwartakan dan mempunyai penduduk seramai 10 000 orang atau lebih (Jabatan Perangkaan, 2010). Banci pada tahun 1991 dan 2000 juga mendefinisikan kawasan bandar sebagai kawasan tepubina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan mempunyai penduduk seramai 10 000 orang atau lebih. Kawasan tepu bina merupakan kawasan yang terletak bersebelahan dengan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk yang tidak terlibat dengan aktiviti pertanian (Jabatan Perangkaan, 2010).

Menurut Abdul Samad Hadi et al. (2010) perbandaran di Malaysia terbahagi kepada tiga fasa iaitu fasa perbandaran awal, perbandaran pseudo dan perbandaran wilayah mega berdayahuni. Fasa tersebut ditentukan berdasarkan peralihan fungsi bandar sebagai pusat pentadbiran pada zaman kolonial kepada era perindustrian dan kini beberapa buah bandar di Malaysia telah berfungsi sebagai bandar mega berdayahuni seperti Kuala Lumpur, Georgetown dan Johor Baharu (McGee, 2009; Abdul Samad Hadi et al., 2010). Seterusnya, dalam fasa perbandaran pseudo pelbagai polisi digubal untuk memastikan kejayaan sektor perindustrian seperti melalui pengecualian cukai, duti import untuk barangan mentah dan kawalan tarif untuk industri tertentu (Ghazali, 1999). Dasar tersebut telah berjaya membangunkan sektor perkilangan barangan elektrik, tekstil dan pakaian di sekitar bandar utama di Malaysia. Oleh itu, terdapat beberapa kawasan industri baharu disokong dengan kemudahan infrastruktur dibuka misalnya, di Selangor, Johor dan Pulau Pinang (Morshidi et al., 1999). Hasil pembangunan kawasan perindustrian menyebabkan penghijrahan penduduk ke kawasan bandar untuk merebut peluang pekerjaan dalam sektor perindustrian. Ini membawa kepada fasa bandar mega berdayahuni yang

menyaksikan situasi perubahan ketara dalam trend perbandaran di Malaysia seperti yang berlaku pada masa kini (Ginkel, 2010).

Menurut Ibrahim Wahab (1991) konsep bandar merupakan pembangunan secara menyeluruh yang menekankan aspek-aspek sosial, ekonomi dan fizikal. Pembangunan yang dirancang dapat dilakukan berdasarkan perancangan fizikal dan piawai tertentu. Penyediaannya juga dilakukan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Aktiviti sosial pula merangkumi perkhidmatan pendidikan, kesihatan, kemudahan riadah, organisasi awam dan institusi keagamaan. Aktiviti ekonomi merangkumi kawasan perindustrian dan pusat perdagangan. Aktiviti fizikal merangkumi penyediaan jalan, kemudahan awam dan perumahan. Keseluruhan pembangunan berada dalam keadaan persekitaran ekonomi dan interaksi sosial yang baik. Keadaan ini dapat diwujudkan sekiranya perancangan fizikal terhadap tapak dilakukan dengan sempurna. Oleh itu, bandar perlu mempunyai aspek sosial, ekonomi dan fizikal bagi menyediakan kemudahan kepada penghuninya.

Menurut, Hawley (1971) bandar meliputi empat ciri utama iaitu entiti fizikal, pengelompokan penduduk, otnomi politik bandar dan mutu kehidupan. Ciri pertama entiti fizikal terdiri daripada bangunan-bangunan kekal yang berkelompok secara padat. Ini termasuklah dinding-dinding yang tertutup, jalan-jalan, rumah-rumah, pasar, kawasan beribadat, kawasan pentadbiran dan kawasan bengkel. Ciri kedua, bandar merupakan satu pengkelompokan penduduk dengan kepadatan yang tinggi, yang tidak memungkinkan kegiatan pertanian dijalankan di sini. Saiz penduduk kerap digunakan untuk mentakrifkan bandar dan kebanyakan negara.

Ciri ketiga pula ialah melihat daripada segi otonomi politik bandar merupakan satu pengkelompokan penduduk yang mempunyai kerajaan sendiri. Namun, kerap kali juga sesebuah petempatan yang dianggap bandar tidak mempunyai kerajaan sendiri untuk menguruskan keperluan harian penghuninya. Ciri yang keempat ialah bandar selalu dianggap sebagai kawasan pempandaran yang menggambarkan mutu penghidupan merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan di bandar dan kawasan-kawasan sekitarnya. Perkhidmatan penting ialah pasar yang menarik penduduk sekitar untuk bertumpu di bandar. Pasar pula terletak berhampiran dengan kawasan-kawasan perkhidmatan lain yang melengkapkan kegiatan lain. Daripada ini bandar Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) mentakrifkan bandar sebagai kawasan dengan penduduk melebihi 10, 000 orang.

2.4 Definisi Pempandaran

Menurut Davis (1972) mentakrifkan pempandaran sebagai satu proses penumpuan penduduk mendiami kawasan yang boleh dianggap bandar. Katiman Rostam (1988) pula mentakrifkan pempandaran sebagai satu proses perubahan masyarakat daripada bercorak desa yang biasanya tidak formal ke corak bandar yang lazimnya lebih formal. Pempandaran adalah suatu proses perubahan menjadi bandar terutamanya perubahan penduduk biasanya melalui perpindahan luar bandar ke bandar, perubahan kegiatan ekonomi iaitu aktiviti pertanian kepada bukan pertanian, perubahan taburan penduduk ke arah yang lebih padat dan perubahan masyarakat ke arah yang lebih moden.

Pempandaran juga bermaksud sebagai proses apabila memusatkan penempatan dan kumpulan orang-orang yang ada di bandar (Katiman Rostam, 1988). Menurut Writh (1996) pempandaran pula bermaksud cara hidup yang khas di bandar.

Ianya berkaitan dengan saiz penduduk, kesesakan dan pelbagai bilangan kaum boleh dijadikan sebagai indikator penyelidikan pempandaran. Pempandaran boleh dijadikan hal asas untuk menyelidik perubahan-perubahan yang sudah berlangsung dalam masyarakat.

Menurut, Sulong Mohamad dan Rahimah Abd. Aziz (1985) pempandaran bukan hanya melibatkan pertumbuhan penduduk tetapi juga perubahan sosial dalam kalangan penduduk bandar. Selain itu, kehidupan di bandar besar amat berbeza dengan kehidupan di desa. Konsep pempandaran yang lazim difahami ialah merujuk kepada kadar atau peratus penduduk di sesebuah negara. Taraf pempandaran sering digunakan sebagai salah satu ukuran untuk menunjukkan taraf pembangunan ekonomi sesebuah negara. Taraf pempandaran juga dijadikan sebagai ukuran untuk menunjukkan taraf pembangunan sesebuah negara. Contohnya, kawasan dunia yang maju taraf pempandarannya adalah jauh lebih tinggi daripada kawasan dunia yang mundur, seperti di Benua Eropah dan Amerika Utara dua kawasan dunia yang paling maju. Di Semenanjung Malaysia pula umumnya di Selangor dan Pulau Pinang mempunyai taraf pempandaran yang lebih tinggi daripada negeri-negeri mundur seperti Kelantan dan Kedah.

Selain itu, aspek lain pempandaran merujuk kepada perubahan masyarakat daripada suatu masyarakat yang mudah kepada suatu masyarakat yang kompleks terutama dalam organisasi sosialnya. Perubahan ini meliputi seluruh kehidupan individu dan juga kumpulan (Hawley, 1971). Perubahan ini merangkumi aspek seperti sempadan, taat setia keluarga, hubungan dalam keluarga, gaya hidup, ciri-ciri demografi, gaya hidup, tujuan dan tuntutan ekonomi, pendidikan dan politik (Hairi Abdullah, 1971). Pembangunan bandar banyak memberi perubahan dari segi ekonomi, sosial dan fizikal penduduk bandar. Namun, pembangunan bandar juga

boleh menyebabkan kemiskinan berlaku yang akan dibincangkan di bahagian seterusnya.

2.5 Kemiskinan Bandar

Kemiskinan bandar berlaku apabila sektor bandar tidak mampu untuk menyediakan peluang pekerjaan dan wujud persaingan untuk mendapatkan pekerjaan yang bergaji lumayan, tempat tinggal mampu milik dan kemudahan asas yang diperlukan oleh golongan miskin di kawasan bandar (Nor Aini dan Chamhuri, 2003). Menurut Katiman (1988) individu miskin yang tinggal di bandar terdiri daripada individu yang bekerja dalam sektor tidak formal seperti penjaja, peniaga kecil, pemandu persendirian dan lain-lain. Manakala Hassan et.al (2009) mendefinisikan golongan miskin bandar sebagai penduduk yang berpendapatan rendah di bandar dan terlibat dalam sektor pekerjaan tidak formal.

Golongan miskin bandar juga mempunyai ciri-ciri tertentu iaitu terpaksa membeli hampir semua keperluan makanan dan keperluan asasi yang lain sehingga sangat tertekan dengan kesan pembuangan kerja dan pengangguran (Mohd Taib Haji Dora, 1993). Akibat daripada kesempitan hidup, jurang pendapatan yang tinggi, kos tanah dan rumah yang meningkat naik secara tidak langsung menyebabkan golongan miskin bandar tidak mampu memiliki rumah sendiri (Jamilah Ariffin, 2002). Di Malaysia, individu miskin di kawasan bandar juga boleh dikategorikan sebagai individu yang tidak mempunyai pendapatan (Unit Perancang Ekonomi Malaysia, 2007). Individu tersebut ialah penganggur dan juga yang terlibat dalam sektor tradisi bandar yang tidak produktif seperti peniaga kecil-kecilan, pemilik gerai, pembantu rumah serta aktiviti-aktiviti ekonomi lain yang memerlukan cara dan latihan yang tinggi.

Terdapat banyak kajian kemiskinan bandar yang telah dijalankan di Malaysia. Kajian oleh Fong (1989) membuktikan masalah kemiskinan di bandar mempunyai hubungan rapat dengan taraf pendidikan dan kemahiran rendah, saiz keluarga yang besar, kurang peluang pekerjaan, dan kadar ketersampaian kemudahan asas terhad. Faktor penyebab yang sama juga turut mempengaruhi penduduk berpendapatan rendah di bandar Georgetown, Pulau Pinang (Aini, 2010). Golongan miskin dan menetap di rumah-rumah pangsa di bandar tidak mempunyai tanah yang boleh diusahakan untuk sara diri walaupun secara kecil-kecilan seperti menanam serai, cili, ubi kayu atau pisang. Golongan miskin hanya berharap bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Baitul mal semata-mata. Golongan ini boleh dianggap terperangkap dalam kitaran ganas kemiskinan yang tidak menampakkan jalan penyelesaian (Aziz, 1964; Chamhuri dan Mohd, 1988; Agesa, 2004; Moynihan, 1968).

Daripada kajian yang dijalankan di Malaysia antara faktor menyumbang kepada kemiskinan bandar adalah tahap pendidikan dan kemahiran rendah, saiz keluarga yang besar, kurang peluang pekerjaan, dan kadar ketersampaian kemudahan asas terhad. Menurut Satterthwaite (2001) berdasarkan kajian beliau di London mendapati kemiskinan bandar wujud apabila berlakunya lapan perkara berikut iaitu:

1. Pendapatan yang tidak mencukupi sehingga memberi kesan kepada pemakanan yang tidak cukup zat, air yang tidak mencukupi, keselamatan terjejas, masalah hutang, dan pembayaran hutang.
2. Pemilikan aset tidak memuaskan dan tidak stabil termasuklah aset pendidikan, rumah dan tempat tinggal untuk individu, keluarga dan komuniti.